

# Pelaksanaan tak betul punca dasar gagal

**Kuala Lumpur:** Seorang pakar ekonomi berpandangan kaedah pelaksanaan yang tidak betul menjadi punca orang Melayu gagal meningkatkan kedudukan ekonomi walaupun pelbagai peluang disediakan kerajaan.

Justeru, Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata perubahan bukan saja perlu dilakukan bangsa Melayu, sebaliknya pada peringkat pelaksanaan oleh kerajaan juga perlu diperbetulkan untuk memastikan matlamat bantuan dinyatakan secara jelas.

Katanya, walaupun pelbagai usaha dilakukan kerajaan untuk memastikan pembabitan orang Melayu dalam perniagaan, pelaksanaannya disifatkan dalam keadaan 'agak lewa' terutama bagi memastikan peluang tersedia direbut sebaik mungkin.

"Jika dilihat di pihak kerajaan yang menyediakan peluang tidak memastikan pelaksanaannya dilakukan dengan betul termasuk tiada matlamat yang jelas dalam usaha membantu kejayaan orang Melayu.

"Contohnya, dalam pemberian kontrak bagi projek bernilai RM1 bilion, tidak pula dinyatakan syarat seperti syarikat mendapat kontrak perlu membangunkan sekurang-kurangnya 30 sub kon-



**Jika dilihat di pihak kerajaan yang menyediakan peluang tidak memastikan pelaksanaannya dilakukan dengan betul termasuk tiada matlamat yang jelas dalam usaha membantu kejayaan orang Melayu.**

**Dr Noor Azlan Ghazali,**  
Profesor ekonomi UKM

trak Melayu dan pembayaran dibuat berdasarkan pencapaian itu dalam usaha untuk membantu yang lain," katanya kepada BH.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan ketika merasmikan Kongres Maruah Melayu, kelmarin, yang mengingatkan orang Melayu supaya menggunakan insentif disediakan kerajaan untuk memajukan diri dan bukan mencari kemewahan segera.

Dr Noor Azlan yang juga profesor ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), berkata biarpun kenyataan itu bukan baharu kerana sudah berulang kali disebut Dr Mahathir, ia perkara besar demi kepentingan Melayu.

Katanya, isu sikap dan kesediaan orang Melayu untuk bekerja kuat, berusaha, meningkatkan integriti dan melihat jangka panjang adalah dianggap sebagai perkara pokok dalam menentukan kejayaan mereka.

Pengasas yang juga Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharudin turut bersetuju bahawa apa yang dinyatakan Perdana Menteri itu adalah ulangan kepada beberapa ucapannya sebe-

lum ini membabitkan kedudukan ekonomi orang Melayu.

"Isu sikap yang disebut juga adalah dimensi dasar yang perlu ditangani dalam usaha memastikan kesediaan orang Melayu untuk mengubah nasib dan diri mereka di negara sendiri.

"Bukan semua masyarakat Melayu mesti dikaitkan dengan isu malas kerana jika dilihat struktur ekonomi dan gaya hidup yang sudah semakin berubah, memaksa mereka untuk menjadi lebih memilih," katanya.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata pemberian pancing kepada orang Melayu dalam usaha memajukan mereka bertujuan membolehkan mereka berusaha sendiri tanpa mengharapkan bantuan secara berterusan.

"Orang Melayu perlu ada daya tahan dan daya saing tinggi, bukan berfikir untuk maju dengan cara singkat kerana jika tidak mereka mudah terbabit dengan rasuah atau pecah amanah.

"Mereka juga kena fikir ke arah kemajuan bukan hanya untuk diri sendiri tetapi orang Melayu secara keseluruhannya," katanya.